

Rakyat Malaysia disaran amalkan cara hidup bersih

UM - 8 SEP 2003

JITRA 7 Sent. - Rakyat Malaysia disaran mengamalkan cara hidup bersih dan sihat seiring dengan kemajuan negara ini dan sejajar dengan tuntutan agama Islam sendiri yang menghendaki umatnya sentiasa bersih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, berbanding dahulu, kehidupan masyarakat kini bertambah baik kerana dapat menikmati pelbagai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan moden bersesuaian dengan kehidupan dalam negara yang sedang membangun.

Beliau berkata, memandangkan pelbagai kemudahan yang terdapat di negara ini setanding kemudahan di negara-negara maju, maka cara hidup rakyat juga perlu diubah agar ia bersesuaian dengan kehidupan pada masa sekarang.

“Kita nak hidup dalam negara maju, maka tak naklah kita hidup dalam negara mundur dan miskin.

“Oleh itu kita kena jaga kebersihan di sekeliling kita,” kata beliau semasa berucap pada majlis program pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Seri Banai, Wang Tepus di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab menjaga kebersihan tidak sepatutnya diserahkan kepada kerajaan semata-mata, malah ia perlu diganding bersama dengan kerjasama daripada semua rakyat termasuk golongan kanak-kanak di peringkat prasekolah.

Sehubungan itu, jelas beliau, kaum ibu dan wanita yang lebih prihatin menjaga

kebersihan termasuk para guru perlu mendidik dan menyemai sikap mumi itu di dalam diri kanak-kanak tersebut agar menjaga kebersihan di sekolah, di rumah dan alam sekitar.

Sebagai contoh, kata beliau, pendidikan awal di negara Jepun yang mendidik anak-anak di peringkat prasekolah telah menjadikan mereka berdisiplin dan bertanggungjawab menjaga kebersihan sehingga menjadikan negara Matahari Terbit itu sebagai sebuah negara yang bersih.

Dr. Mahathir berkata, sikap menjaga kebersihan juga penting kerana ia boleh mengatasi masalah penyakit berjangkit kepada masyarakat.

Katanya, antara sebab Sindrom Penyakit Akut Yang Teruk (SARS) yang melanda rantau ini khususnya di China adalah kerana disebabkan oleh ketidakbersihan.

Bagaimanapun, katanya, penyakit itu telah dapat dikawal kini dan negaraitu telah mengenakan hukuman sehingga boleh dihukum penjara sekiranya rakyat negara itu didapati bersalah kerana meludah di tempat awam.

“Sekarang negara China cukup bersih termasuklah tandas untuk orang ramai, tapi kita sedihlah bila masuk tandas, tak dan (tak sempat) nak buat apa, dah lari keluar... kotor,” katanya.

Tambah Dr. Mahathir amalan menjaga kebersihan juga akan menjadikan tubuh badan dan otak yang sihat.

“Persekitaran yang bersih akan menjadikan manusia yang bersih dan manusia yang bersih tidak akan mendapat penyakit yang begitu kerap,” ujar beliau lagi.